

# Program 'Starting, Finishing School'

BH  
11/9/08

UPM berusaha **melahirkan graduan serba boleh** bagi memenuhi keperluan industri

Oleh Basir Zahrom

basir@bharian.com.my

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini mengadakan program *Starting School* dan *Finishing School* bagi menghasilkan graduan serba boleh di samping memenuhi kehendak majikan dan bersedia menghadapi alam pekerjaan sebenar.

Menerusi program ini, setiap pelajar dilatih memantapkan bahasa Inggeris, penulisan resume dan kerjasama berkumpulan dalam kegiatan dalam atau luar, selain bijak menjalani kehidupan di universiti juga menanam beberapa elemen penting dalam diri mereka sebelum menamatkan pengajian.

Program yang diperkenalkan pada 2007 mengkehendaki pelajar menjalani latihan selama 14 jam pada setiap hujung minggu di bawah bimbingan tenaga pengajar terlatih UPM.

Sehingga kini, antara 4,000 hingga 5,000 pelajar telah mendapat manfaat.

Ketua Pusat Kokurikulum, UPM, Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata bagi memastikan kualiti program, semua fasilitator bertugas diwajibkan menghadiri 'Latihan Tenaga Pengajar'.

Katanya, ketika program berjalan mereka perlu mengesetepikan buat sementara waktu status profesor atau PhD yang dimiliki bagi memberi tumpuan serta perhatian kepada pelajar.

"Prestasi fasilitator juga akan dinilai menerusi penye-

## INFO

### Program keterampilan

- UPM adalah IPT pertama menjalankan program *Starting School* dan *Finishing School*
- *Finishing School* adalah persediaan untuk memenuhi kehendak majikan dan industri
- Penyertaan pelajar meningkat sebanyak 11 peratus pada 2008 berbanding sesi 2007

laras yang dihantar kepada pusat kokurikulum dan aktiviti ditetapkan pada nisbah 30:70 teori dan praktikal.

“Program bermanfaat ini mendapat maklum balas positif sama ada daripada pelajar, pensyarah atau majikan mungkin disebabkan perubahan tingkah laku pada graduan UPM yang diambil bekerja selepas menyertai program berkenaan,” katanya kepada *Berita Harian*, baru-baru ini.

Mohammad Shatar berkata, sejak program itu dimulakan tahun lepas, beberapa universiti lain turut berminat menggunakan modul berkenaan untuk diaplikasikan di universiti masing-masing.

“Namun kami tidak menetapkan pendekatan tertentu kepada universiti berkenaan, ia terpujang kepada mereka mengikut kesesuaian,” katanya.

Menurut Mohammad Shatar lagi, untuk memastikan program itu berkesan, lawatan ke Los Angeles, di Amerika Syarikat akan diadakan bagi meneliti kaedah terkini *Finishing School*.

“Modul yang dibuat bukan untuk dikormesialkan, namun kami sudah menghantar set berkenaan ke semua perustakaan IPT awam (IPTA) di seluruh negara,” katanya.

Program *Starting School* memfokuskan kepada pelajar



EZAH SHAMSUDINI | BERITA HARIAN

“Program bermanfaat ini mendapat maklum balas positif sama ada daripada pelajar, pensyarah atau majikan mungkin disebabkan perubahan tingkah laku pada graduan UPM yang diambil bekerja selepas menyertai program berkenaan”

**Dr Mohammad Shatar Sabran**

Ketua Pusat Kokurikulum,  
UPM

yang baru bergelar mahasiswa dan sedang menjalani induksi peringkat universiti.

“*Finishing School* mampu mendekatkan pelajar kepada industri, manakala *Starting School* juga penting kerana ramai pelajar yang cemerlang tetapi tidak konsisten selepas memasuki IPT.

“Misalnya jika dulu mereka mampu mencapai purata nilai gred purata kumulatif (PNGK) 3.2 ke atas, namun ketika di UPM ada di kalangan mereka yang hanya mendapat PNGK 1.65 kerana kejutan budaya yang melanda pelajar reaksi kepada kebebasan dikecapi di universiti,” katanya.

Mohammad Shatar berkata, selain tidak bijak mengurus masa, terdapat segelintir pelajar malu menggunakan peluang untuk berkomunikasi dengan pensyarah.

“Semasa pertama Program *Finishing School* dikendalikan UPM, ia mendapat pujian Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Mohammad (bekas) dan beliau mencadangkan setiap universiti mengadakan program sama.


“Dalam usaha penambahan program berkenaan, kami menghantar 100 borang kaji selidik kepada majikan di seluruh negara bagi mendapat cadangan dan idea yang diperlukan majikan,” katanya.



**KERJASAMA:** Peserta berbincang selepas diberikan tugas perlu diselesaikan dalam tempoh ditetapkan fasilitator.



**SEIMBANG:** Selain akademik, modul *Finishing School* UPM menyertakan kegiatan luar.



**BERI PENERANGAN:** Sebelum memulakan aktiviti dalam kumpulan atau secara individu peserta akan diberi taklimat oleh fasilitator bertugas.